

16 JUL 2003

S'pura-iklan/I

RESPON MEDIA S'PURA TERHADAP KEMPEN IKLAN AIR

SINGAPURA, 16 Julai (Bernama) -- "Tiada yang baru" dan "mbingungkan" adalah antara beberapa perkataan yang digunakan oleh Kementerian Luar Singapura (MFA) dalam respons awalnya terhadap kempen iklan Malaysia mengenai rundingan bekalan air antara kedua-dua negara.

Isnin lepas, seorang jurucakap MFA semasa menjawab pertanyaan media, menyifatkan pengaturan masa pengiklanan satu muka surat penuh dalam akhbar utama tempatan dan juga di majalah Asian Wall Street Journal (AWSJ) itu sejak Ahad sebagai "mbingungkan".

Beliau menyifatkan kempen iklan itu sebagai "mengulangi cerita lama iaitu mereka (Malaysia) betul dan kami bersalah. Mereka (Malaysia) adalah bertimbang rasa dan kami mengaut keuntungan."

Kempen iklan oleh Kuala Lumpur itu juga memberi ruang kepada spekulasi pilihan raya umum akan diadakan.

"Saya percaya akan ada pilihan raya umum di Malaysia tahun depan. Sebagai pemerhati, saya tertanya-tanya jika ini ada hubung kaitnya dengan pilihan raya," kata Lim Boon Heng, Ketua Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan Singapura dan juga Menteri di Pejabat Perdana Menteri dipetik sebagai berkata semalam.

"Ia sentiasa percuma bagi ahli politik di sebelah sana menggunakan Singapura sebagai momok bagi meningkatkan kedudukan mereka di peringkat kebangsaan. Jadi ia mungkin ulangan dengan apa yang kita saksikan sejak beberapa tahun lepas," kata Lim.

Akhbar The Straits Times, dalam artikel hari ini berjudul : "Water ads: A surreal swashbuckling", menyebut terdapat "sesuatu di luar realiti" mengenai siri pengiklanan Malaysia mengenai pertikaian air antara Malaysia dan Singapura minggu ini.

"Ia bukan setakat hakikat bahawa sejumlah besar wang -- hampir RM1 juta dalam kes AWSJ -- dibelanjakan untuk iklan itu atau Dow Jones, penerbit yang sering berselisih faham dengan kerajaan Malaysia, akan mendapat keuntungan," menurut laporan akhbar itu.

Laporan itu turut berkata kerajaan Singapura mengambil langkah luar biasa pada Januari dengan mengeluarkan dokumen rundingan rasmi yang menunjukkan sikap sambil lewa Malaysia terhadap isumitu tanpa alasan yang baik, langkah itu meletakkan tahap kredibiliti kerajaan Malaysia dalam rundingan antarabangsa.

"Sudah tentu dengan hanya tinggal tiga bulan sebelum (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) mengalihkan kuasanya kepada Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri) Abdullah (Ahmad) Badawi, ianya tidak mustahil untuk mengatakan bahawa kemarahan sekarang merupakan demonstrasi oleh PM kepada PM yang baru bagaimana caranya untuk berurusan dengan Singapura sekarang dan pada masa depan," menurut The Straits Times.

Akhbar Today, dalam artikel muka depannya semalam juga menggunakan pendekatan keras terhadap isu itu di bawah tajuk "Ink Attack".

Penulis artikel itu menyebut: "Ketika hubungan serantau dilihat beransur pulih dan isu pertikaian air diletakkan di belakang, Malaysia menghentam Singapura dengan iklan itu."

"Nadanya menyengat dan masa yang dipilih sedikit mbingungkan," kata akhbar itu.

Singapura, katanya, telah menerbitkan surat rasmi dan nota-nota bagi menyokong pendiriannya sementara pendekatan Malaysia adalah lebih langsung.

Beberapa penganalisis, katanya, "tertanya-tanya sama ada iklan itu

bertujuan untuk mengimbangi kesan politik parti pemerintah Malaysia di negara sendiri selepas Singapura mengeluarkan surat yang menunjukkan sikap sambil lewa pemimpin Malaysia. Pembangkang seperti PAS telah menuduh kepimpinan Malaysia sengaja membangkitkan sentimen dalaman untuk kepentingan politiknya."

Ia memetik beberapa penganalisis sebagai menjangkakan "tangan Dr Mahathir Mohamad berada di belakang tindakan kecaman itu dalam masa persediaannya menyerahkan kuasa pada bulan Oktober."

Pemerhati politik Seah Chiang Nee dipetik sebagai berkata: "Mahathir adalah orang yang sukar diramalkan. Singapura akan sentiasa tidak mempunyai kelebihan kerana ia tidak tahu apa yang akan dilakukannya (Mahathir) kemudian. Kita sudah pasti tidak boleh mengikut apa yang dia buat. Kita perlu membuat penjelasan setiap kali beliau melakukan sesuatu."

Sementara itu artikel "Ink Attack" menerima respons segera daripada seorang pembaca Malaysia, Mardupi Ismail, dari Kuala Lumpur.

Dalam suratnya yang disiarkan oleh akhbar "Today" hari ini, Mardupi berkata sebagai rakyat Malaysia beliau sering bertanya kenapa hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura sentiasa "terumbang-ambing."

Katanya peniaga dari kedua-dua negara itu bekerjasama, pasukan polis dan tentera mempunyai hubungan kerja yang baik dan profesional dan ratusan rakyat Malaysia dan Singapura saling mengunjungi kedua-dua negara bagi tujuan menjamu selera, membeli-belah dan menemui kawan dan saudara-mara.

Katanya Malaysia bertekad untuk bersaing dengan Singapura bagi menarik pelaburan asing.

Oleh itu, Mardupi berkata, Malaysia dijangka bertindak keras dalam semua percubaan Singapura menggambarkan negara itu sebagai pusat kewangan, perbankan, pengangkutan, logistik atau perkhidmatan profesional di Asean, Asia Tenggara atau di rantau Asia Pasifik.

Sambil itu, Singapura juga cenderung menggambarkan dirinya sebagai negara maju berbanding negara lain di rantau ini dan ini boleh mengguris sensitiviti rakyat Malaysia dan mengundang reaksi kurang senang.

"Sudah tentu ini semua tidak akan membantu dengan kehadiran media Singapura, penganalisis tempatan dan wartawan negara ini yang suka menulis artikel, laporan dan komentar negatif mengenai perkembangan di Malaysia.

"Adakah itu caranya bersaing dengan Malaysia atau adakah ia bermaksud memperlekeh Malaysia di mata pelabur asing? Adakah terdapat agenda tersembunyi di sebaliknya?, tanya Mardupi.

Katanya pelabur asing yang berhasrat meluaskan pelaburan di rantau Asean sudah tentu memerhatikan perkembangan hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura dengan rasa bingung dan kebimbangan.

"Jika Malaysia dan Singapura, negara paling maju di Asean, tidak dapat mencapai persefahaman, apakah harapan yang tinggal untuk negara Asean yang lain?.

"Saya ingin berkata peralihan kuasa dari Dr Mahathir kepada Datuk Seri Abdullah tidak akan mengubah keadaan secara substantif," katanya.

-- BERNAMA

SS DC RON